

Wasiat Wajibah Terhadap Anak Angkat Dalam Kompilasi Hukum Islam

Afriyanto, dan Noor Lizza Mohamed Said

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Email: afriyantobin_emri@yahoo.com; lizza@ukm.edu.my

Abstrak – Hukum Islam membolehkan mengangkat anak namun dalam batas-batas tertentu iaitu selama tidak membawa akibat Hukum dalam hal hubungan darah, hubungan pewalihan dan hubungan pewarisan dari orang tua angkat. Ia tetap menjadi ahli waris dari orang tua kandungnya dan anak tersebut tetap memakai nama dari ayah kandungnya. Di Indonesia, perundangan wasiat ini diatur dalam Kompilasi Hukum Islam. Fasal 209 Kompilasi Hukum Islam memperuntukan bahawa terhadap anak angkat yang tidak menerima wasiat diberi wasiat wajibah sebanyak-banyaknya 1/3 dari harta warisan orang tua angkatnya. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji fasal 209 untuk membandingkan antara Kompilasi Hukum Islam dengan Hukum Islam berdasarkan pandangan fujaha dan hujah-hujah mereka. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Data-data dikumpul menggunakan kaedah analisis dokumen primer, sekunder dan perbandingan. Hasil kajian mendapati bahawa Hukum Islam memperbolehkan mengangkat anak namun dalam batas-batas tertentu iaitu selama tidak membawa akibat Hukum dalam hal hubungan darah, hubungan pewalihan dan hubungan pewarisan dari orang tua angkat. ia tetap menjadi ahli waris dari orang tua kandungnya dan anak tersebut tetap memakai nama dari ayah kandungnya. Sedangkan Kompilasi Hukum Islam menegaskan bahawa anak angkat atau orang tua angkat tidak ada hubungan pewarisan. tetapi sebagai pengakuan mengenai baiknya lembaga pengangkatan anak (Jabatan Kebajikan Masyarakat), hubungan antara anak angkat dengan orang tua angkatnya dikukuhkan dengan perantara wasiat atau wasiat wajibah. Kesan kajian ini ialah agar hakim pengadilan agama berani untuk menerapkan Hukum yang jelas kepada masyarakat sesuai fasal 5 ayat 1 undang-undang Nombor 48 Tahun 2008 tentang materi-materi kekuasaan kehakiman yang berbunyi: Hakim dan hakim konstitusi wajib mengali, mengikuti, dan memahami nilai-nilai Hukum rasa keadilan yang jelas dalam masyarakat.

Kata kunci: Wasiat wajibah, anak angkat, kompilasi hukum Islam.

I. Pendahuluan

Wasiat merupakan sesuatu yang penting kerana kekayaan merupakan salah satu dari apa-apa yang dicintai manusia, sehingga mungkin terjadi perselisihan antara ahli waris dalam hal pembahagian harta warisan. Perselisihan itu dapat dihindarkan dengan adanya pesan terakhir. Wasiat juga boleh bererti pesan atau janji seseorang kepada orang lain untuk melakukan suatu perbuatan baik (Andi Syamsu 2008: 58) .

Perbuatan penetapan pesan terakhir dari seseorang sebelum meninggal dunia dalam Islam ini dikenal dengan istilah wasiat. Dengan wasiat, pewaris dapat menentukan siapa sahaja yang akan menjadi waris. Dengan wasiat dapat juga warisan itu diperuntukkan kepada seseorang tertentu atau sejumlah benda yang dapat diganti. Wasiat berlaku setelah seseorang wafat dan merupakan suatu kewajiban yang harus ditunaikan oleh ahli waris (Andi Syamsu 2008: 62). Sistem wasiat ini berjalan sejak zaman dahulu, bukan hanya agama Islam sahaja yang mengatur, tetapi setiap kumpulan memiliki pemahaman tentang wasiat. Sistem-sistem wasiat tersebut memiliki perbezaan dalam melaksanakannya. Semua memiliki ketentuan masing-masing bagaimana sahnya pelaksanaan wasiat tersebut. Di Indonesia, mempunyai

aturan sendiri tentang wasiat ini. Di antaranya di atur dalam kitab Undang-undang Hukum Perdata(KHUPerdata) untuk non muslim atau adat, sedangkan untuk umat Islam diatur dalam Kompilasi Hukum Islam. (Kompilasi Hukum Islam).

Wasiat telah menjadi amalan atau praktik di kalangan masyarakat Islam Indonesia. baik yang terjadi dalam kalangan keluarga mahupun antara pihak yang tidak terikat tali persaudaraan. Baik dilakukan secara lisan mahupun tulisan, hanya sahaja pelaksanaan wasiat tersebut tampaknya kabur. Apakah wasiat berdasarkan Hukum Islam atau yang berdasarkan hukum-Hukum yang lain. Mengingat wasiat merupakan suatu tindakan Hukum dan membawa akibat-akibat Hukum tertentu bagi pihak-pihaak yang lain. Wasiat tidak jarang menimbulkan sengketa diantara pihak-pihak yang terkait. Berbagai bentuk pemberian atau pelepasan harta kekayaan untuk tujuan -tujuan sosial yang terdapat dalam syariat Islam. Termasuk di dalamnya wasiat. Pada hakikatnya merupakan jawaban Islam sebagai agama *Rahmatan Lil Alamin* terhadap problema-problema sosial ekonomi yang dialami oleh masyarakat. Allah menurunkan syariat Islam pada esensinya untuk menjadi rahmat bagi manusia dan seluruh alam beserta isinya. Hal ini sesuai dengan firman Allah yang disampaikan melalui utusannya yaitu Muhammad SAW. yang tercantum dalam al-Qur'an (Surah Al-anbiyaa 21:107).

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya;

Dan kami tidak mengutus engkau Muhammad SAW melainkan untuk menjadi Rahmatan Lil Alamin.

Kerana kedudukannya sebagai rahmat bagi seluruh alam (sesuai dengan konteks tempat dan zaman), maka ditetapkan peraturan-peraturan Hukum yang bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan masyarakat, menolak mudharat dan kerusakan serta mewujudkan sebuah keadilan yang bersesuaian. Dengan kata lain tidaklah disebut rahmat apabila peraturan Hukum yang ditetapkan itu tidak mewujudkan kemaslahatan serta kebahagiaan bagi seluruh manusia.

Adapun dasar ditetapkan wasiat dalam Hukum perdata diatur didalam buku ke II tentang benda bab ke 13, tepatnya dalam fasal 875 KUHPerdata, dan dalam Hukum Islam dapat dibaca dalam al-Qur'an surah al-baqarah, 2: 180. Disamping ayat ini, turun pula ayat-ayat lain yang mengatur tentang pengalihan harta kekayaan yang ditinggal mati pemiliknya, iaitu pembahagian harta peninggalan melalui cara kewarisan yang lain disebutkan dalam al-Qur'an surat an-Nisa 4: 7, Dalam Ijtihad para fuqaha pengaturan wasiat tertuang dalam fasal 171 huruf F dan fasal 194-209 yang mengatur secara keseluruhan prosedur tentang wasiat.

Dilihat dari sisi harta yang ada pada pemilik harta dan orang yang akan berwasiat, ulama menetapkan Hukum yang berbeza bagi individu yang akan berwasiat sesuai objek wasiat tersebut.

- Wajib apabila Kewajiban berwasiat dilaksanakan apabila terdapat tanggungjawab syar'i kerana Allah SWT seperti penunaian zakat dan haji. Ini kerana dikuatiri sekiranya tidak diwasiatkan, tanggungjawab itu tidak dilaksanakan. Begitu juga tanggungjawab yang berkaitan dengan hak manusia, seperti hutang dan pemberitahuan harta yang diamanahkan kepada pemilik yang berhak sekiranya pemilik sebenar tidak diketahui. (Mustafa Al-Khin 1956: 69)
- Sunnah, apabila Wasiat adalah sunat mu'akkad menurut ijmak (kesepakatan) ulama kerana bersedekah pada waktu hidup itu lebih utama. Tambahan lagi, apabila wasiat yang diperuntukkan bagi tujuan kebajikan kepada kaum kerabat, orang-orang fakir dan orang-orang soleh.
- Harus berwasiat apabila wasiat diberikan kepada rakan atau orang yang kaya yang bukan daripada golongan berilmu dan soleh. Bagaimanapun, jika pewasiat berniat baik dan untuk mengeratkan hubungan, maka wasiat itu sunat kerana terdapat unsur ibadat mentaati Allah ((Mustafa Al-Khin 1956: 71).
- Makruh berwasiat sekiranya pewasiat memiliki harta yang sedikit sedangkan dia mempunyai waris fakir yang memerlukan harta tersebut. Wasiat juga makruh sekiranya diberikan kepada orang fasik dan ahli maksiat sekiranya pewasiat berasa kemungkinan besar harta itu akan digunakan untuk kejahatan mereka (Sayyid Sabiq 1990: 222)
- Haram berwasiat dengan perkara yang ditegah oleh syara' melakukannya, seperti mewasiatkan arak atau perbelanjaan untuk program yang merosakan akhlak masyarakat. Wasiat seperti ini selain haram ia juga batal dan tidak boleh dilaksanakan. Antara wasiat yang diharamkan ialah wasiat yang bertujuan menyusahkan para waris dan menghalang mereka daripada mendapat bahagian yang ditetapkan oleh syara.

Dan tidak terlepas dari alasan –alasan diatas, ketentuan pasal 194 ayat (1) KHI tentang usia: pewasiat adalah merupakan suatu ijtihad ulama fiqh Indonesia untuk menetapkan ketentuan hukum Islam bagi masyarakat Indonesia Khususnya.

II. Pernyataan Masalah

Dalam wasiat Islam terdapat istilah wasiat wajibah, yang mana wasiat ini diberikan bukan ke ahli waris. Dalam Hukum Islam wasiat wajibah kepada anak angkat tidak diterangkan secara detail tentang bagaimana proses atau cara bagaimana cara berwasiat kepada anak angkat, begitu juga dengan Kompilasi Hukum Islam, bahawasanya Kompilasi Hukum Islam membenarkan wasiat wajibah kepada anak angkat 1/3 dari harta ayah angkatnya.

Dalam artikel ini pengkaji akan membahas isi fasal 209 Kompilasi Hukum Islam. tentang Bagaimana status anak angkat menurut Hukum Islam dan Bagaimana pengaturan wasiat wajibah terhadap anak angkat dalam Kompilasi Hukum Islam dibandingkan dengan Hukum Islam

Dari huraian tersebut maka penulis tertarik untuk mengkaji bagaimana wasiat yang boleh diberikan kepada anak angkat menurut Hukum Islam sekaligus membandingkan dengan Kompilasi Hukum Islam. Dalam artikel ini penulis hanya akan membahas permasalahan tentang,

1. Bagaimana status anak angkat menurut Hukum Islam
2. Bagaimana pengaturan wasiat wajibah terhadap anak angkat dalam Kompilasi Hukum Islam dibandingkan dengan Hukum Islam.

III. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan suatu kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif kajian. Penyelidikan ini adalah berbentuk kajian kepustakaan dan analisis kandungan kerana kajian ini membincangkan mengenai bagaimana status anak angkat menurut Hukum Islam dan bagaimana pengaturan wasiat wajibah terhadap anak angkat menurut Hukum Islam.

Dalam pengajian ilmiah, penggunaan metod merupakan hal yang asas dan mutlak diperlukan. Oleh itu, penyelidikan ini sebagai satu kajian tentang undang-undang, maka untuk menggali data daripada sumber yang diperlukan, digunakanlah kaedah analisis dokumen dengan mengumpulkan, membaca dan meneliti daripada beberapa sumber rujukan yang berhubungkait dengan pembahasan yang dimaksud ke dalam kajian ini, iaitu bagaimana status anak angkat menurut Hukum Islam dan bagaimana pengaturan wasiat wajibah terhadap anak angkat menurut Kompilasi Hukum Islam dan dibandingkan dengan Hukum Islam. Antara dokumen-dokumen yang dianalisis dalam pengumpulan data ialah :

- a. Sumber primer iaitu buku-buku sejarah tentang Undang-Undang Kompilasi Hukum Islam di Indonesia
- b. Sumber sekunder iaitu sumber yang digunakan untuk menyokong dan melengkapi data penulisan ini, seperti buku-buku, kamus dan lain-lain.

Semua maklumat yang diperolehi melalui sumber-sumber primer dan sekunder akan dianalisis dengan beberapa kaedah antaranya:

- a. Metode induktif iaitu metode untuk membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum. Segala data daripada bahan-bahan rujukan akan dianalisis untuk mendapatkan kesimpulan yang sebenar. Metod ini digunapakai untuk menganalisis dan memberikan ulasan terhadap buku Undang-Undang Kompilasi Hukum Islam di Indonesia
- b. Metode deduktif iaitu suatu langkah yang bermatlamatkan untuk menganalisa penulisan yang berdasarkan kepada bukti umum untuk perkara-perkara yang khusus. Metod ini akan digunakan untuk mendedahkan sejarah Undang-Undang Kompilasi Hukum Islam di Indonesia
- c. Metode komparatif iaitu metod untuk membuat perbandingan diantara Undang- Undnag Kompilasi Hukum Islam dengan Hukum Islam. Tujuannya untuk mencari perbezaan dalam sudut kelebihan, kekurangan dan kewujudan antara undang-undang dengan hukum Islam³.

IV. Status Anak Angkat Menurut Hukum Islam

Menurut Hukum Islam pengangkatan anak angkat memiliki perbincangan yang panjang. Secara Hukum Islam, mengangkat anak boleh sahaja dilakukan, tetapi mengangkat anak itu boleh namun dengan syarat yang ketat seperti tidak mengubah status keturunan nasab dan tidak boleh menyamakan kedudukan hukumnya dengan anak kandung. Hukum Islam hanya mengakui pengangkatan anak dalam defenisi beralihnya tanggungjawab untuk memberikan nafkah, mendidik, memelihara, dan lainnya dalam konteks beribadah dan ingin mendapatkan pahala dari Allah SWT (Mustofa 2008: 39). Berkaitan dengan peristiwa Nabi Muhammad SAW yang pernah mengangkat anak dan menjadikannya selayak anak kandung, maka Allah menurunkan ayat al-Qur'an ayat 4 dan 5 surah al-ahzab :

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ ۗ وَمَا جَعَلَ أَزْوَاجَكُمْ أَلْفَىٰ تُظَاهِرُونَ مِّنْهُنَّ أُمَّهَاتِكُمْ ۗ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ۗ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ ۗ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ ﴿٤﴾

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَاِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيكُمْ
وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya :

Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya; dan dia tidak menjadikan isteri-isterimu yang kamu zihar itu sebagai ibumu, dan Allah tidak menjadikan anak-anakmu itu sebagai anak-anak kandungmu sendiri. Dan demikian itu hanyalah perkataanmu yang kamu ucapkan sahaja. Dan Allah mengatakan yang sebenarnya dan dia menunjukkan jalan yang benar. Panggilan mereka (anak-anak angkat itu) dengan memakai nama ayah-ayah mereka, maka panggil mereka sebagai saudaramu seagama dan maula maulamu. dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu khilaf padanya, tetapi (yang ada dosanya) apa yang disengaja oleh hatimu, dan adalah Allah Maha pengasih lagi maha penyanyang (Fahmi Al-Amruzi 2014: 83)

Konteks Hukum Islam awal sangat jelas adanya larangan pengangkatan anak dengan menisbahkan namanya terhadap anak angkatnya, tidak ada hubungan kekerabatan kewarisan bahkan tetap berlaku Hukum mahyam iaitu yang dianggap bukan muhrim serta diperbolehkan untuk mengawini mereka. konsep ini merupakan reaksi terhadap kebiasaan pra Islam (jahiliyah) ketika itu yang mengangap pengangkatan anak menimbulkan hubungan Hukum saling mewarisi anak dan orang tua angkatnya, kerana anak angkat itu dianggap sama seperti anak kandungnya sendiri. Pengangkatan anak yang demikian memutuskan hubungan darah antara anak dan orang tua kandungnya. Inilah yang dalam Hukum Islam dinamakan dengan pengangkatan anak secara tabanni ini dilarang oleh Hukum islam.

Fakta demikian keberadaan anak angkat dalam Hukum Islam hanyalah legitimasi pembolehan atas tradisi suatu masyarakat sebelum kedatangan Islam dengan memberlakukan syarat dan ketentuan yang sangat ketat. Tidak ada hak Hukum bagi anak angkat dalam kewarisan mahupun perwalian perkawinan. Hubungan mereka adalah seperti hubungan antara orang lain kecuali keterikatan oleh kasih sayang secara individu dan bantuan sosial orang tua angkat terhadap anak angkatnya untuk mendidik, mengasih sayangi dan membiayai untuk berbagai keperluan.

Hukum anak angkat dalam Islam adalah tidak sama statusnya dengan anak kandung. Hal ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 37:

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَاتَّقِ اللَّهَ وَتُخْفِي فِي نَفْسِكَ مَا اللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى النَّاسَ وَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ تَخْشَاهُ فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِي أَزْوَاجِ أَدْعِيَائِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرًا وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا

Maksudnya :

Dan ingatlah ketika engkau (Muhammad) berkata kepada orang yang telah beri nikmat oleh Allah SWT dan engkau juga telah memberi nikmat kepadanya, pertahankanlah terus isterimu dan bertakwalah kepada Allah sedang engkau menyembunyikan di dalam hatimu apa yang engkau menyembunyikan di dalam hatimu apa yang dinyatakan oleh Allah, dan engkau takut kepada manusia, padahal Allah yang lebih berhak kamu takuti. Maka ketika zaid telah mengakhiri keperluannya terhadap isterinya (menceraikannya) kami nikahkan engkau dengan dia (zainab) agar tidak ada keberatan bagi orang mukmin untuk (menikahi) istri-istri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah menyelesaikan keperluannya terhadap istri. dan ketentuan itu pasti terjadi.

Namun kesedaran beragama masyarakat Muslim yang makin meningkat telah mendorong semangat untuk melakukan penilaian terhadap hal-hal yang bertentangan dengan syariat Islam, antara lain masalah pengangkatan anak. Dan hasil ikhtiar selama ini mulai tampak dengan lahirnya Kompilasi Hukum Islam sebagai pedoman Hukum materil peradiln agama mengakui eksistensi lembaga pengangkatan anak (Jabatan Kebajikan Masyarakat) dengan mengatur anak angkat dalam rumusan fasal 171 Huruf h. Bunyi isi fasal 171 h anak angkat adalah anak yang dalam pemeliharaan untuk hidupnya sehari-hari, biaya pendidikan dan sebagainya beralih tanggung jawab dari orang tua asal kepada orang tua angkatnya berdasarkan putusan pengadilan (Departemen Agama RI Direktorat Jeneral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam 2010: 10). Peradilan agama sebagai salah satu kekuasaan kehakiman bagi rakyat pencari keadilan yang beragama

Islam secara konsisten mengawal penerapan hukumnya sehingga pengaruh positif terhadap kesadaran masyarakat yang beragama Islam untuk melakukan pengangkatan anak berdasarkan Hukum Islam.

Anak angkat memiliki dua jenis iaitu pertama seseorang yang memelihara anak orang lain yang kurang mampu untuk dididik, dan disekolahkan pada pendidikan formal, pemeliharaan seperti ini hanyalah sebagai bantuan biasa, dan sangat dianjurkan dalam agama islam, dan hubungan pewarisan antara mereka tidak ada. Kedua, (Amin Hussein Nasution 2012: 192. mengangkat anak yang dalam Islam disebut Tabanni atau dalam Hukum positif disebut sebagai adopsi. orang tua yang mengangkat anak ini menganggap sebagai keluarga dalam segala hal.

Kehadiran Kompilasi Hukum Islam (KHI) yang merupakan himpunan kaidah-kaidah Islam yang disusun secara sistematis dan lengkap mengakui eksistensi lembaga pengangkatan anak, dan juga menjadi sumber Hukum Islam bagi masyarakat muslim di Indonesia yang melakukan perbuatan Hukum pengangkatan anak dan merupakan pedoman Hukum materil bagi pengadilan agama dalam mengadili perkara pengangkatan anak antara orang-orang yang beragama Islam menjadi kewenangan pengadilan agama dan pengadilan agama memberikan penetapan pengangkatan anak berdasarkan Hukum Islam.

Hadith yang berkaitan dengan anak angkat, antara lain dijelaskan dalam hadith riwayat bukhari dan muslim: dari Abu Dzar R.A bahawa ia mendengar Rasulullah saw bersabda tidak seorang pun yang mengakui (membangsakan dirinya) kepada bukan ayahnya, padahal ia mengetahui bahawa itu bukan ayah kandungnya, haram baginya surga (Mustofa Hasan : 2011) berdasarkan pemahaman demikian, Hukum Islam memperbolehkan mengangkat anak namun dalam batas-batas tertentu iaitu selama tidak membawa akibat Hukum dalam hal hubungan darah, hubungan perwalian dan hubungan warus pewarisan dari orang tua angkat. ia tetap menjadi ahli waris dari orang tua kandungnya dan anak tersebut tetap memakai nama dari ayah kandungnya. Dasar yang terkandung dalam konsep Hukum Islam yang pada sisinya tertentu memperbolehkan pengangkatan anak namun dalam sisi lain memberikan syarat yang ketat dan batasan pengertian pengangkatan anak ialah :

1. Memelihara garis turun nasab seorang anak angkat sehingga jelaslah kepada siapa anak angkat tersebut dihubungkan nasabnya yang berdampak pada hubungan, sebab dan akibat hukum.
2. Memelihara garis turun nasab bagi anak kandung sendiri sehingga tetap jelas hubungan Hukum dan akibat Hukum terhadapnya (Fahmi Al-Amruzi 1996: 85)

Dalam Hukum Islam anak angkat tidak mendapatkan warisan dari orang tua angkatnya kerana anak angkat bukanlah nasab dari orang tua angkatnya, anak angkat hanya mendapatkan warisan dari orang tua angkatnya sesuai dengan ketentuan Qs al-ahzab ayat 4 dan 5. dari bunyi ayat tersebut jelaslah bahawa status anak angkat dalam kewarisan tetap dengan status asalnya, dia mempunyai hubungan nasab dengan orang tua kandungnya, kerana itu dia hanya mempunyai hubungan kewarisan dengan orang tua kandungnya pula. dengan demikian pengangkatan anak tidaklah mengubah hubungan nasab yang telah ada sebelumnya, dan pula tidak mengubah hak kewarisannya antara dia dengan orang tua angkatnya atau sebaliknya. anak angkat dalam Hukum Islam tidak boleh menerima warisan tetapi boleh mendapatkan wasiat, wasiat itu namanya wasiat wajibah.

Pemberlakuan wasiat wajibah mempengaruhi peralihan nilai hak warisan dari ahli waris yang lain. Istilah dalam Hukum Islam klasik tidak pernah dikenal. kemudian diberlakukan dalam beberapa negara Islam untuk kepentingan para cucu pancar perempuan baik laki-laki mahupun perempuan yang dalam Hukum waris Islam tidak diperbolehkan Hukum waris wasiat wajibah di Indonesia dalam fasal 209 ayat 2 adalah bukan terhadap para cucu pancar perempuan tetapi terhadap anak angkat dari orang tua angkatnya. anak angkat selama ini tidak memiliki tempat dalam Hukum Islam untuk memperoleh bagian warisan. wasiat merupakan produk ijihad ulama di Indonesia yang secara substansi menurut pendapat ulama di timur tengah yang berlakukan wasiat wajibah. Di Indonesia ditujukan untuk anak angkat sedangkan di dunia Islam ditujukan untuk cucu pancar perempuan (Fahmi Al-Amruzi 1996: 86).

V. Pengaturan Wasiat Wajibah Terhadap Anak Angkat Dalam Kompilasi Hukum Islam dan Perbandingan terhadap Hukum Islam

Ruang lingkup agama dan ajaran agama Islam tersebut didukung dan jelas kelihatan pada kerangka dasarnya. yang penting dipahami ialah agama bersumber dari wahyu (al-Qur'an) dan sunnah ajaran Islam bersumber dari *ra'yu* manusia melalui ijihad. ajaran Islam adalah penjelasan agama Islam. Dengan mengikuti sistematik Imam, Islam dan ikhsan yang berasal dari hadith nabi Muhammad, kerangka dasar agama islam, seperti telah dijelaskan diatas, terdiri dari 1. akidah, 2. syariah dan 3. akhlak. pada komponen syariah dan akhlak ruang lingkupnya jelas mengenai ibadah, muamalah dan sikap terhadap Allah serta makhluk. pada komponen akidah, ruang lingkup itu akan tampak pula jika dihubungkan dengan imam kepada Allah dan para nabi serta rasulnya. Hukum Islam adalah Hukum yang bersumber dari dan menjadi bahagian agama Islam ia mempunyai beberapa istilah kunci yang perlu dijelaskan lebih dahulu, sebab, kadangkala membingungkan, kalau tidak diketahui persis maknanya. Yang dimaksud adalah istilah-istilah 1. Hukum 2. Hukum dan ahkam, 3. Syariah dan syariat. 4. Ushul Fiqh dan Fiqh. Didalam sistem Hukum Islam ada lima hukum atau kaidah yang dipergunakan sebagai patokan mengukur perbuatan manusia baik dibidang ibadah mahupun muamalah. kelima jenis kaidah tersebut, disebut ahkam al-khamsah tersebut, disebut al-ahkam al-khamsah atau pengolongan Hukum yang lima iaitu 1. jaiz atau mubah 2. sunah, 3. makruh, haram dan wajib (Mohammad Daud Ali : 2004 : 32).

Di dalam Hukum Islam isi terkandung nilai-nilai fitriyah yang abadi dan bertumpu pada prinsip-prinsip yang solid, tidak akan berubah dan tidak akan di ubah. Bidang ini meliputi segala tatanan yang qat'iyah dan merupakan jati diri Hukum agama islam. Dalam kelompok ini termasuk segala ketentuan yang berasal dari nilai-nilai fundamental. Di antara nilai-nilai dalam dimensi ini adalah apa yang telah dirumuskan dalam tujuan Islam maqasid syari'ah iaitu kebahagiaan manusia , yang dapat dijabarkan dalam kemaslahatan, kenikmatan, keadilan, rahmat, dan seterusnya. Nilai-nilai kebahagiaan tersebut bersifat abstrak yang harus direalisasikan dengan bentuk nyata.

Disamping nilai-nilai fundamental tersebut, terdapat pula nilai-nilai instrumental. makna nilai intrumental terkandung dalam proses pengalaman nilai-nilai Hukum Islam in abstarnco menuju nilai nilai in concreto. proses tranformasi ini sering disebut sebagai proses operasional atau aktualisasi berbicara dan membahas dinamika Hukum islam. jadi, di dalam Hukum Islam terkandung nilai-nilai yang konstan kerana sifatnya memang demikian sesuai dengan perkembangan dan kebutuhannya. Dalam dimensi yang disebut terakhir ini, Hukum Islam bersikap adaptif, ertinya dapat menerima nilai-nilai baru dan nilai-nilai dari luar yang berkembang sesuai dengan tuntutan kebutuhan dan perubahan zaman. para ulama bersepakat bahawa sumber Hukum Islam adalah wahyu dan rakyu wahyu meliputi al-Qur'an dan sunnah yang sering disebut sebagai dalil nagli sedangkan *ra'yu* (rasio, akal, daya pikir, nalar disebut dalil aqli.

Dalam perkembangan Hukum Islam, ternyata *ra'yu* memainkan peran yang tidak dapat diabaikan. Akal merupakan sumber dan sekaligus alat untuk memahami wahyu. sebagai sumber hukum, akal dapat digunakan sebagai sumber hukum, akal dapat digunakan untuk mengalirkan Hukum dari masalah-masalah yang tidak dinyatakan oleh wahyu atau yang tidak secara tegas dinyatakan oleh wahyu. *Ijtihadbir rayi* dapat dilakukan secara individual (*ijtihad fardi*) dan secara kolektif (*ijtihad jama'i*) ijtihad, apalagi *ijtihad jama'i* merupakan suplemen dari ushul fiqh dan dapat dirinci menjadi *qiyas, istihsan, istislah, istishab*, penilaian terhadap *urf*, dan lain-lain. dalam kaitan dengan dimensi instrumental, peran akal disini sangat strategis (Amrullah Ahmad :1996 :54-55).

Hukum Islam tidak membezakan dengan tajam antara Hukum perdata dengan Hukum publik ini disebabkan karena menurut Hukum Islam pada Hukum perdata terdapat segi-segi dari pada Hukum sivil ada segi-segi perdatanya. dalam Hukum Islam tidak dibezakan kedua bidang Hukum itu. yang disebutkan adalah bahagian-bahagian saja seperti munakahat, wirasah, mualamat dan sebagainya.

VI. Kesimpulan Kajian

Dari semua huraian diatas dapat difahami suatu kesimpulan bahawa; pertama, hukum Islam memperbolehkan mengangkat anak namun dalam batas-batas tertentu iaitu selama tidak membawa akibat Hukum dalam hal hubungan darah, hubungan wali-mewali dan hubungan waris mewaris dari orang tua angkat. ia tetap menjadi ahli waris dari orang tua kandungnya dan anak tersebut tetap memakai nama dari ayah kandungnya.

Kedua, kompilasi Hukum Islam menegaskan bahawa anak angkat atau orang tua angkat tidak ada hubungan mewarisi. tetapi sebagai pengakuan mengenai baiknya lembaga pengangkatan anak, hubungan antara anak angkat dengan orang tua angkatnya dikukuhkan dengan perantara wasiat atau wasiat wajibah, KHI yang sekarang menjadi acuan oleh pengadilan agama bahawa anak angkat berhak memperoleh wasiat wajibah dengan syarat tidak melebihi 1/3 harta berdasarkan fasal 209 ayat 2 KHI.

VII. Implikasi Kajian

Implikasi dalam kajian ini boleh dilihat sama ada secara umum mahupun secara khusus. Implikasi kajian secara umum adalah dapat mengenalpasti bahawa wujudnya perbezaan antara Undang-Undang Kompilasi Hukum Islam di Indonesia dengan Hukum Islam sehingga boleh diketahui kebaikan dan kelemahan antara kedua-dua undang-undang tersebut. Adapun implikasi kajian secara khusus, antaranya ialah memudahkan para pembaca dan para pengkaji yang ingin mengetahui tentang Undang-Undang Kompilasi Hukum Islam di Indonesia dan dapat membandingkan dengan Hukum Islam. Demikian juga, boleh menjadi panduan bagi golongan agamawan, ahli jawatan kuasa majlis agama Islam dan orang Islam yang ada di Indonesia Khususnya dan orang Islam di dunia Amnya.

VIII. Usulan Kajian

Antara usulannya ialah, mengusulkan supaya Undang-Undang Kompilasi Hukum Islam disempurnakan lagi dalam beberapa bahagia seperti wujudnya peraturan mengenai perkahwinan, perwakafan, kewarisan dan wasiat, dan tindakan bagi orang yang melanggar undang-undang dan sebagainya. Sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan, maka ia akan mengurangkan perselisihan dan permasalahan dalam masyarakat Indonesia. Kompilasi Hukum Islam ini hendaklah dikuatkuasakan pada setiap wilayah negara Indonesia kerana penganut Islam berada di setiap wilayah negara Indonesia dan merupakan majoriti Muslim yang mana setakat ini tidak semua masyarakat muslim boleh melaksanakan undang-undang kompilasi Hukum Islam tersebut.

Mencadangkan lagi untuk memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam di Indonesia dalam mensosialisasikan kepada masyarakat terhadap aplikasi undang-undang Kompilasi Hukum Islam kepada masyarakat supaya masyarakat paham akan pentingnya pelaksanaan undang-undang tersebut terhadap dirinya maupun masyarakat yang ada disekelilingnya.

Rujukan

- [1] Al-Qur'an.
- [2] Amin Husein Nasution. *Hukum Kewarisan*. cetakan Pertama. Jakarta. Rasa Grafindo Persada. 2012.
- [3] Amrullah Ahmad. *Dimensi Hukum Islam dalam sistem Hukum Nasional*. cetakan kedua. Jakarta. Gema Insani Press. 1996.
- [4] Andi Syamsu dan M.Fauzan. *Hukum pengangkatan Anak Perspektif Islam*. Cetakan Pertama. Jakarta. Pena Media. 2008.
- [5] Departemen Agama RI Direktorat Jenderal Pembinaan Kelembagaan Agama Islam, *Kompilasi Hukum Islam*. Jakarta. 1999.
- [6] Fahmi al-Amruzi. *Rekonstruksi Wasiat Wajibah dalam Kompilasi Hukum Islam*, Cetakan Kedua. Yogyakarta. aswaja Pressidon. 2014.
- [7] Mohamad Daud Ali, *Hukum Islam*. cetakan kesebelas. Jakarta. PT Raja Grafindo Preseda. 2004.
- [8] Mustofa al-Khin. Mustofa al-Buqha & Ali al-Sharbaji. 1428H/2007. Hlm. 253. al-Sharbini. Shamsuddin Mohammad al-Khatib al-Sharbini. *Iqna'*.
- [9] Mustofa Hasan, *Pengantar Hukum keluarga*, Cetakan Pertama, Bandung, Pustaka Media, 2011.
- [10] Mustofa. *Pengangkatan anak kewenangan Pengadilan Agama*. Cetakan Pertama. Bandung Pustaka Media. 2011.